

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah saksi yang telah dirakam keterangan bagi membantu siasatan semula kes kematian mendiang Teoh Beng Hock dan status terkini kes tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pihak PDRM telah membuka kembali Kertas Siasatan berhubung kes kematian Teoh Beng Hock yang ditemui mati pada 16 Julai 2009. Siasatan telah dibuka semula dibawah Seksyen 342 Kanun Keseksaan (Kurungan Salah). Kertas siasatan telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara pada 24 Februari 2020 dan pihak PDRM diminta untuk meneruskan siasatan dan mengemukakan kembali kertas siasatan ke pejabat Peguam Negara setelah siasatan lengkap dijalankan.

Untuk makluman, pihak polis telah menjalankan rakaman percakapan ke atas 13 orang saksi dan siasatan masih berjalan. Sehubungan itu, saya tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berhubung kes ini bagi mengelakkan ianya mengganggu siasatan.